



FAQ



PROKLAMASI DARURAT 2021

Mengapa kerajaan mengisytiharkan Darurat?

Darurat diisytiharkan kerana **penularan wabak COVID-19 di Malaysia semakin membimbangkan** dan dilihat sebagai suatu darurat yang besar yang menyebabkan **keselamatan, atau kehidupan ekonomi, dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam sekiranya ia tidak dibendung.**

Penggunaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] sahaja tidak memadai kerana masalah jangkitan penyakit kini tidak lagi terhad kepada lokaliti tertentu saja. Tempoh Darurat juga akan **memberikan ruang kepada Kerajaan untuk menumpukan pemulihan ekonomi negara selain menjamin dan mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam.**

Mengapa perlu darurat? Adakah Akta 342 tidak memadai?

Pengisytiharan darurat perlu dilakukan bagi **melandaikan keluk jangkitan COVID-19 dapat dilaksanakan secara lebih cepat dan berkesan.** Ini kerana Kerajaan tidak boleh berlengah dalam membuat perkiraan dengan pihak swasta untuk menggunakan **premis perubatan swasta serta sumber, utiliti dan aset.** Selain itu, penguatkuasaan peraturan berkenaan kawalan penularan pandemik **boleh disegerakan tanpa urusan birokrasi dan peraturan yang menyukarkan.** Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa Akta 342 telah pun memperuntukkan kuasa tertentu untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak swasta, **namun kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut tidak mencukupi.**





FAQ

PROKLAMASI DARURAT 2021



Adakah apa-apa bentuk jawatankuasa atau pihak yang boleh memberi penilaian dalam pelaksanaan Darurat ini?

Sebuah Jawatankuasa Khas Bebas ditubuhkan dan keahliannya ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong yang terdiri daripada anggota daripada parti-parti kerajaan, pembangkang dan profesional yang berkaitan dalam memberikan input dan pandangan kepada Yang di-Pertuan Agong. Langkah ini adalah bagi memastikan Yang di-Pertuan Agong memperoleh pandangan yang menyeluruh daripada semua pihak dan **bebas daripada pengaruh politik dan kepentingan golongan tertentu sahaja**. Walaupun tempoh Proklamasi Darurat ini diperuntukkan bermula pada 11 Januari 2021 sehingga 1 Ogos 2021, Jawatankuasa Khas Bebas ini bertanggungjawab untuk **memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai penentuan tempoh masa pelaksanaan Darurat**.

[Seksyen 2, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]





FAQ



PROKLAMASI DARURAT 2021

Apakah kuasa dan tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan dalam aspek tanah, bangunan dan harta alih dalam tempoh Darurat ini?

Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong **boleh mengambil secara sementara tanah, bangunan atau apa-apa bentuk harta alih daripada mana-mana pihak dan menggunakan untuk tujuan yang bersesuaian dalam memerangi COVID-19.**

Selain daripada itu, semua pihak perlu mematuhi arahan apabila diminta oleh Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menggunakan sumber seperti **sumber manusia, kemudahan, utiliti dan aset serta maklumat berkaitan dengannya.**


Pampasan yang bersesuaian akan diberikan terhadap pemilikan sementara atau penggunaan tanah, bangunan, harta alih atau sumber ini dilakukan. Dalam hal ini, **taksiran pampasan yang dibuat adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.**

[Seksyen 3 hingga 5, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]

Apa implikasi yang akan berlaku jika ada pihak yang gagal mematuhi arahan pengambilan secara sementara atau penggunaan sumber tersebut?

Pihak yang gagal mematuhi arahan tersebut **boleh didakwa dan jika sabit kesalahan**, boleh didenda maksimum RM5 juta atau dipenjarakan maksimum 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

[Seksyen 9, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]





FAQ



PROKLAMASI DARURAT 2021

Adakah tentera akan terlibat dalam pelaksanaan Darurat ini?

Pihak tentera diberi kuasa yang sama seperti pihak polis dalam **membantu pengurusan kawalan penularan COVID-19** selain daripada tugas hakiki tentera sepanjang Darurat berkuat kuasa. Antara kuasa tersebut ialah seperti **menangkap pesalah yang melanggar undang-undang termasuklah pendatang asing tanpa izin (PATI)**. Selain itu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga boleh dipertanggungjawabkan untuk **memperketatkan kawalan sempadan Negara** seperti menangkap PATI dan sesiapa sahaja yang menceroboh sempadan negara.

[Seksyen 7, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]

Adakah petugas kesihatan mempunyai apa-apa peranan atau kuasa tambahan dalam tempoh Darurat ini?

Tidak ada kuasa peranan atau kuasa tambahan yang diberikan kepada petugas kesihatan Kerajaan atau pun swasta.

Namun berdasarkan Ordinan Darurat, Yang di-Pertuan

Agong boleh melantik, tertakluk kepada syarat, pengamal swasta untuk mengeluarkan arahan untuk rawatan, imunisasi, pengasingan, pemerhatian atau pengawasan di bawah perenggan 11(3)(a) dan (b) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

[Seksyen 6 Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]





FAQ

PROKLAMASI DARURAT 2021



Adakah Perdana Menteri, Menteri-Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri dan ahli EXCO / Kabinet Negeri boleh menjalankan tugas seperti biasa?

Ya. Kerajaan yang wujud sebaik sebelum Proklamasi Darurat dikeluarkan pada 11 Januari 2021 hendaklah terus berfungsi seperti sedia ada. Jemaah Menteri, Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Kabinet Negeri hendaklah menjalankan tugas **berdasarkan kuasa eksekutif yang telah diberikan di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa**.

[Seksyen 11, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]

Siapakah yang mempunyai kuasa eksekutif semasa darurat?

Perdana Menteri, Jemaah Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Kabinet Negeri bagi negeri masing-masing yang wujud sebaik sebelum **Proklamasi Darurat diisytiharkan pada 11 Januari 2021** mempunyai kuasa untuk terus menjalankan kuasa eksekutif semasa darurat. Selain itu, semasa tempoh Darurat, mana-mana orang yang diberikan fungsi eksekutif oleh undang-undang hendaklah terus menjalankan fungsi eksekutif yang telah diperuntukkan di bawah undang-undang sedia ada.

[Seksyen 11, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]



Siapakah yang mempunyai kuasa perundangan semasa darurat?

Menteri atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa untuk membuat undang-undang subsidiari di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri boleh terus menjalankan kuasa tersebut.

[Seksyen 11, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]



Majlis Keselamatan Negara



@MKNJPM



Majlis Keselamatan Negara (Rasmi)



@mkn_rasmi



FAQ

PROKLAMASI DARURAT 2021

Adakah Sidang Parlimen dan Dewan Undangan Negeri akan diteruskan seperti biasa?

Tidak. Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak akan bersidang semasa tempoh darurat. **Namun Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk memanggil, memprorog dan membubarkan Parlimen** mengikut tarikh yang difikirkan sesuai oleh Baginda dengan mengambil kira objektif Proklamasikan dibuat.

[Seksyen 14 dan 15, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]

Adakah Pilihan Raya Umum, Negeri atau Kecil boleh diadakan?

Pilihan Raya Umum, Pilihan Raya Negeri atau Pilihan Raya Kecil **tidak akan diadakan sepanjang tempoh Darurat.**

[Seksyen 12 dan 13, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]

Adakah ordinan ini mempunyai kuasa mutlak?

Tidak. Kuasa yang diberikan di bawah Ordinan Darurat ini adalah tambahan kepada, dan bukanlah sebagai menggantikan, kuasa yang diberikan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, **sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselaras antara peruntukan Ordinan ini dengan mana-mana undang-undang bertulis lain,** peruntukan Ordinan ini hendaklah mengatasi dan peruntukan undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah disifatkan digantikan setakat percanggahan atau ketidakselaras itu.

[Seksyen 17 dan 18, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021]

